



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING DEKAN

BILANGAN 6 TAHUN 2020

ARAHAN PENANGGUHAN PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL/BERSEMUKA SERTA KEMASUKAN SEMUA PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) BAGI SESI OKTOBER 2020

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pelajar dan Staf Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi mengenai Pekeliling Arahkan Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal / Bersemuka serta kemasukan semua pelajar UiTM ke kampus dan di premis fakulti.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pihak Pengurusan Fakulti Sukan dan Rekreasi mengambil maklum perkembangan terkini yang berlaku ekoran peningkatan jumlah kes jangkitan COVID-19.
- 2.2 Fakulti juga sangat prihatin dan mengambil berat aspek berkaitan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar dan staf FSR.

3.0 PELAKSANAAN

- 2.3 Berdasarkan Kenyataan Media yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 24 Tahun 2020, pihak pengurusan fakulti telah memutuskan untuk:
 - a. Menangguhkan pendaftaran pelajar secara fizikal / bersemuka di kampus.
 - b. Pelajar baharu perlu membuat pendaftaran secara atas talian menggunakan platform yang telah disediakan.
 - c. Semua pelajar (baharu dan lama) akan meneruskan pengajian secara kaedah Terbuka dan Jarak Jauh / *Open and Distance Learning (ODL)* mulai 12 Oktober 2020 sehingga ada pemakluman baharu kelak. Pelajar diminta berhubung rapat dengan Pensyarah yang mengajar pada Sesi Oktober 2020.
 - d. Bagi pelajar FSR yang telah berada di dalam kampus dan mengikuti aktiviti-aktiviti akademik, perlu kekal berada di kampus di mana mereka berada.

e. Pelajar dan pensyarah FSR diminta mematuhi Prosedur Standard yang telah digunakan oleh UiTM amnya dan fakulti khususnya.

2.4 Pemakaian arahan penangguhan ini dibuat demi kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan Warga FSR.


2.5 Semua pelajar dan staf FSR perlu mengamalkan kebersihan diri yang baik serta mematuhi langkah-langkah kesihatan dan keselamatan seperti yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 6 Oktober 2020.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa 6 Oktober 2020.



PROF. MADYA DR. MOHAD ANIZU MOHD NOR
Dekan
'Be the Best, Beat The Rest'

Dikelilingkan kepada :

Semua Pelajar dan Staf Akademik Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-FSR (PT.6/7/1)
No. Siri : 052020